TARIKH : 26/1/2022
SURAT KHABAR : KOSMO
MUKA SURAT : 2

SEBAHAGIAN pekerja asing di sebuah kilang yang diperiksa dalam operasi bersepadu oleh Jabatan Tenaga Kerja Semenanjung Malaysia di Klang semalam. – SADDAM YUSOFF

KEADAAN bilik pekerja asing yang serba daif dan tidak mempunyai sebarang kemudahan seperti tilam dan kipas.

Kediaman macam kandang kerbau

DARI MUKA 1

"Majikan perlu ingat bahawa isu tempat penginapan pekerja asing bukan hanya diperhatikan masyarakat tempatan, malah juga di peringkat antarabangsa.

"Dalam keghairahan mencari keuntungan, majikan tidak boleh abaikan dan tugas mereka adalah supaya pekerja dapat kebajikan (tempat tinggal). Ini isu kemanusiaan.

"Bila sediakan tempat tinggal pastikan sesuai. Jangan buat macam kandang lembu, kandang kerbau," kata Sivakumar ketika ditemui selepas operasi bersepadu di sini semalam.

Dalam operasi tersebut, sebanyak tiga buah kilang dalam sektor pembuatan berasaskan produk kayu dan getah diperiksa melibatkan seramai 526 pekerja asing termasuk Nepal, Bangladesh, Myanmar dan India.

Hasil pemeriksaan mendapati, majikan-majikan telah melakukan beberapa kesalahan mengikut Akta 446 termasuk tidak mempunyai Perakuan Penginapan, tiada katil dan tilam, kemudahan tandas tidak sempurna selain tidak mencarum kepada Pertubuhan Keselamatan Sosial (Perkeso).

Tambah beliau, ketiga-tiga premis menyediakan kemudahan penginapan kepada pekerja, namun gagal memenuhi beberapa syarat ditetapkan.

Malah, katanya, dua daripada premis kilang yang diperiksa langsung tidak mempunyai rekod permohonan Perakuan Penginapan kepada JTKSM.

"Satu lagi majikan telah membuat permohonan, tetapi jabatan membatalkan permohonan tersebut ekoran penginapan yang disediakan tidak mengikut standard yang digariskan oleh JTKSM dan juga tidak memperoleh kelulusan daripada pihak berkuasa tempatan (PBT)," katanya.

Jelas Sivakumar, beliau turut tersentuh apabila soal siasat dengan pekerja di kilang itu mendapati mereka tidak diberikan tilam oleh majikan.

"Tempat memasak mereka amat buruk sekali dan jejaskan kesihatan serta terdedah kepada bahaya kebakaran. Semua perkara ini harus diberikan perhatian serius oleh majikan.

"Kita juga bimbang apabila berlaku pandemik Covid-19 semula, bagaimana hendak tangani masalah ini?" tegasnya.

Justeru kata beliau, tindakan tegas akan diambil terhadap semua kecuaian pihak majikan termasuk mengambil tindakan pendakwaan di mahkamah," katanya.

Tambahnya lagi, kerajaan akan membawa ramai pekerja asing dalam lima sektor yang telah diumumkan sebelum ini iaitu perkilangan, pembinaan, perladangan, pertanian dan perkhidmatan (melibatkan restoran sahaja) selepas ini dan majikan perlu memastikan kebajikan terutama mengenai aspek penginapan diselesaikan.

"Ini teguran dan nasihat saya kepada majikan yang mahu pekerja asing dan pastikan tempat tinggal sesuai serta layan mereka sebagai manusia.

"Jangan ambil kesempatan dan bersikap sambil lewa. Pemeriksaan akan dilakukan lebih kerap sama ada sebelum pekerja dibawa masuk dan selepas enam bulan kelulusan diberikan," katanya.

Pekerja terpaksa pakai duit sendiri beli tilam, kipas

KLANG – Para pekerja sebuah kilang papan di Kampung Batu Empat di sini dikatakan terpaksa menggunakan wang saku sendiri untuk membeli pelbagai barang kelengkapan bilik.

Sumber memberitahu, ini termasuk membeli kipas dan tilam selepas majikan mereka hanya menyediakan bilik kosong dan sempit untuk didiami.

Lebih membimbangkan katanya, apabila hampir keseluruhan bilik yang dihuni pekerja berkenaan tidak mempunyai sistem pengudaraan atau tingkap, sekali gus berisiko berlakunya sesak nafas dan kebakaran.

"Kediaman ini memang tidak mendatangkan keselesaan kepada semua pekerja, namun mereka tiada pilihan.

"Sepatutnya majikan perlu menyediakan kipas dan tilam. Ini tidak, apabila pekerja pula perlu membeli sendiri untuk keperluan mereka," katanya kepada *Kosmo!* di sini semalam.

Menurut sumber itu lagi, kilang tersebut sebelum ini ada membuat permohonan tempat penginapan pekerja, namun telah dibatalkan kerana tidak mengikut standard yang digariskan Jabatan Tenaga Kerja Semenanjung Malaysia (JTKSM).

Tambahnya, ini termasuklah bilik tidur yang mempunyai saiz kecil hanya boleh menempatkan dua orang pekerja.

"Tandas juga perlu disediakan untuk kegunaan empat hingga lima orang sahaja.

"Bagaimanapun, pemeriksaan mendapati tiada langsung tandas yang sempurna disediakan oleh pihak majikan dan kita tidak tahu di mana najis pekerja-pekerja ini dibuang dalam kehidupan harian.

"Keadaan bilik yang sempit juga sangat berisiko terutama jika berlaku sebarang kebakaran," katanya.

LALUAN kecil yang digunakan sebagai pintu untuk pekerja keluar dan masuk ke bilik penginapan mereka. – SADDAM YUSOFF